

**NOTIS
PEMBERITAHUAN
PERBADANAN LABUAN**



- Dimaklumkan bahawa penggunaan produk biodegradasi di Wilayah Persekutuan telah dikuat kuasakan pada 1 September 2017. Semua pemegang lesen perniagaan dilarang menggunakan polisterina, beg plastik sekali guna dan hendaklah menggunakan produk biodegradasi. Produk biodegradasi yang dibenarkan adalah jenis klasifikasi biodegradasi atau *compostable* yang telah mendapat pensijilan SIRIM ECO-001:2018 atau SIRIM ECO-009:2016 daripada SIRIM Berhad.
- Pemegang lesen perniagaan adalah **dibenarkan untuk mengenakan caj 20 sen** terhadap pembungkusan klasifikasi biodegradasi atau *compostable* kepada pengguna.
- Penggunaan straw plastik atau penyedut minuman plastik adalah dilarang.
- **Mulai 1 Januari 2020, tindakan tegas** akan diambil kepada pemegang lesen yang gagal untuk mematuhi syarat-syarat yang ditetapkan dan apabila disabitkan, dikenakan tindakan penguatkuasaan di bawah Undang-undang Kecil Pelesenan Tred, Perniagaan dan Perindustrian (WPL) 2016, Undang-undang Kecil Pelesenan Petempatan Makanan (WPL) 2016, Ordinan Pelesenan Perdagangan, Sabah Cap 144, 1946. Kerjasama semua adalah dipohon untuk mengambil maklum mengenai perkara tersebut.

Sekian, terima kasih.